

# Berita Bandara

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## Rumah Terbuka Datuk Bandar

**D**atuk Bandar Kuala Lumpur, Y. Bhg. Kol. Datuk Mohamad Shaid bin Mohd. Taufek, telah mengadakan Rumah Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri bertempat di Stadium Titiwangsa, Taman Tasik Titiwangsa. Majlis yang telah diadakan pada 12 Januari 2002 lalu juga memberi kesempatan kepada Y. Bhg. Datuk Bandar untuk mengenali dan beramah mesra dengan para jemputan.

Di samping meraikan warga kota, jemputan dari Kedutaan, Persatuan Hotel Malaysia, Kementerian Pelancongan Malaysia juga hadir untuk memeriahkan lagi suasana. Antara tetamu kenamaan yang hadir ialah Y.B. Dato' S. Subramaniam, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Y.B. Dato' Dr. Ng Yen Yen, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan, Panglima Angkatan Tentera Darat, Brig. Jeneral Jamal Hisne Bin Ismail dan Y. Bhg. Tan Sri Dato' Elyas Omar.



Y. Bhg. Datuk Bandar juga tidak lupa merai dan menyampaikan duit raya kepada 80 orang anak-anak yatim dari Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah, Kg. Batu, Bt. 5 Selekoh, Kuala Lumpur.

Para hadirin dan jemputan telah dihidangkan dengan berbagai jenis hidangan antaranya satay, leman, rendang, soto, kuih-kuih raya dan buah-buahan tempatan. Orang ramai juga diberi peluang untuk bersalam dan beramah mesra dengan Datuk Bandar dan keluarga. Majlis ini juga telah diserikan dengan nyanyian dan tarian yang tidak asing lagi iaitu Nassie Mahab dan Izlyn dengan iringan Kombo Budaya DBKL.

*Majlis bertujuan untuk  
merapatkan lagi hubungan  
Datuk Bandar dengan semua lapisan  
warga kota Kuala Lumpur, pemimpin  
dan ketua masyarakat serta seluruh  
anggota DBKL*



*Datuk Bandar beramah mesra dengan  
tetamu yang hadir*



## Rencana Pengarang

Warga kota baru sahaja merayakan Sambutan hari ulang tahun ke - 28 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 2002.

Suasana pesta, kemeriahan dan kegembiraan telah disambut oleh semua lapisan masyarakat Kuala Lumpur dalam suasana keharmonian dan persefahaman sebagai menjunjung usaha negara ke arah pengjuduan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, bertoleransi dan bersemangat setiakawan.

Menyusuri sejarah dan menyorot arah, kita telah menyaksikan perkembangan dan kemajuan Kuala Lumpur yang sungguh pesat dalam semua bidang dan lapangan. Luas kawasannya telah bertambah daripada 93.24 kilometer persegi menjadi 243.65 kilometer persegi dengan bilangan penduduk mencecah 1.5 juta orang.

Jangkamasa 30 tahun sebagai sebuah bandar raya dikira sejak Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandar raya pada 1972 boleh dianggap sebagai umur muda yang sedang bergolok mencari arah dan hala tujuannya yang tersendiri. Dalam menuju kematangan dan pemantapan identiti, wawasan yang ingin dicapai oleh bandar raya Kuala Lumpur telah dikenal pasti iaitu memperkasakan status dan kedudukannya sebaris dan setanding dengan bandar raya - bandar raya lain yang bertaraf dunia.

Falsafah pembangunan Kuala Lumpur kini adalah berlandaskan kepada konsep pembangunan yang seimbang. Pembangunan tidak hanya terhad dan tertumpu kepada pembangunan fizikal sahaja yang dicirikan oleh batu dan konkrit, jalan aspal dan pencakar langit. Tetapi di samping itu, bandar raya Kuala Lumpur telah mula merencanakan program dan aktiviti ke arah memenuhi kehendak, keperluan, ekspektasi dan harapan rakyat dan warga kota khususnya.

Dengan kata lain, program pembangunan sosial turut menjadi agenda utama yang dapat mencerna budaya hidup dan minda yang positif - agenda yang diharapkan dapat memupuk ciri-ciri peradaban yang bersumberkan ilmu dan akal budi. Dengan ini juga diharapkan masyarakat akan terdidik kepada sifat-sifat murni dan terpuji yang toleran dan penyayang kepada keluarga, jiran dan masyarakat serta prihatin dan peka terhadap kelestarian alam sekitar dan jagat raya.

**Selamat Tahun Baru Cina  
&  
Selamat Hari Raya Aidil Adha**

**Mulianya Kata**

*Jangan sekali-kali melepaskan impian anda  
kejayahan hanya datang bagi mereka yang  
bersungguh-sungguh*

## Perkhidmat

Jabatan Kerja Awam  
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut  
03-2699 3597

Jabatan Seni Tamarok & Kawalan Bersih Bandar  
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC  
03-4045 3320

Direktorat Penguatkuasaan  
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah Blok A,  
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur  
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan  
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut  
03-2691 6011 samb. 3806/3868

Jabatan Pengangkutan Bandar  
Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.  
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan  
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,  
Km.4, Jalan Cheras.  
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil  
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.  
03 - 2698 6989

Jabatan Pelesenan  
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama  
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.  
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan  
Tingkat Bawah,  
No. 12, , Jalan Tuanku Abdul Rahman.  
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai  
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.  
03 - 2691 6011

Hotline DBKL  
03-4022 0033  
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)  
03-9284 3636/9284 3434  
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam  
Bhg. Hal Ehwal Awam  
03-2699 3852

**Hari Mesra Pelanggan  
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)  
9.00 pagi - 12 tengahari**

Pegawai Bertugas  
Muhamad Bin Wahab Tel : 03-2697 7097

### Jurufoto

Mubarak Bin Mohd. Alan  
Abd. Rhani Bin Md. Shohor  
Md. Ismail Bin Isnin

### Cetakan

Unit Repografi  
Jabatan Pengurusan Organisasi  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

### Alamat Editor

**Berita Bandaraya**  
Bahagian Hal Ehwal Awam  
Jabatan Pengurusan Organisasi  
Tingkat 5, Bangunan DBKL  
Atau berhubung dengan  
**Suriyana Binti Ismail**  
Tel: 03-2691 6011 samb. 3851  
Faks: 03-2698 0460  
E-mel: akhbar@dbkl.gov.my



Silang Redaksi

Hamim Binti Hj. Hashim  
Suriyana Binti Ismail

KOLEKSI DIGITAL PERPUSATKAN KUALUMPUR


# Semboyan Amaran Banjir

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Jabatan Pengairan Dan Saliran Wilayah Persekutuan (JPS/WP) telah mengambil langkah awal dalam menghadapi masalah banjir kilat dengan memasang Sistem Semboyan Amaran Banjir (SSAB - Siren). Siren ini bertindak untuk memberi amaran kepada orang ramai untuk menyelamatkan dan mengurangkan kerosakkan harta benda mereka sewaktu banjir kilat berlaku. Buat masa ini sebanyak lapan (8) siren telah dipasang di lapan kawasan sekitar Kuala Lumpur.

Sistem ini beroperasi apabila air sungai mula naik, orang ramai akan segera dimaklumkan dengan siren dibunyikan sebanyak dua (2) kali, iaitu kali pertama apabila aras air sungai naik ke tahap waspada (*alert water level*) dan kali ke dua (kali terakhir) apabila aras air sungai naik ke tahap bahaya (*danger water level*). Siren akan dibunyikan selama seminit dengan menggunakan *speaker*. Orang ramai mempunyai masa untuk keluar dari bangunan berkenaan dan menyelamatkan harta benda apabila siren dibunyikan.

DBKL juga akan mempertingkatkan sistem ini dengan menghubungkan semboyan kepada pengurus atau pengendali bangunan di kawasan yang kerap dilanda banjir (*flood-prone areas*). Untuk memudahkan orang ramai lagi, DBKL juga akan memasang papantanda dan lampu isyarat amaran di tempat-tempat yang kerap dilanda banjir. Sistem ini juga membantu pergerakan kenderaan keluar dari *'basement'* dan lain-lain kawasan yang dinaiki air serta dapat mengalihkan pergerakan kenderaan daripada masuk ke kawasan banjir. Selain daripada itu, DBKL sedang merancang membina dinding di ke dua-dua belah tebing sungai untuk mengelakkan air sungai melimpah keluar.

Projek ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya pada April 2002.




## Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2002

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan mengadakan Rumah Terbuka sempena sambutan Tahun Baru Cina 2002. Rumah Terbuka ini akan diadakan di Laman Asean, Tugu Negara, di Taman Tasik Perdana pada 18 Februari 2002 (Isnin) jam 11.00 pagi hingga 3 petang.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk menjalinkan perpaduan antara kaum serta memberi peluang kepada para pelancong yang melawat Kuala Lumpur mengetahui mengenai Perayaan Tahun Baru Cina. Antara acara yang akan diadakan adalah Persenyawaan Kebudayaan, Tarian Singa dan makanan kebangsaan, iaitu Yee Sang.

Y. Bhg. Kal. Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur akan turut sama meraikan para tetamu di Rumah Terbuka Tahun Baru Cina ini.



KOLEKSI DIGITAL PERPUSATKAN KUALUMPUR